

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK RAIME BIN UNGGI [TENOM]

TARIKH : 10.03.2015 (SELASA)

DATUK RAIME BIN UNGGI [TENOM] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan sejak bilakah projek pengedaran dan penyeragaman harga petrol dan diesel (*Community Drumming*) diwujudkan dan apakah kesan/impaknya terhadap penduduk luar bandar.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan telah melaksanakan Program Penyeragaman Harga petrol dan diesel (*Community Drumming*) sejak tahun 2009 dan masih diteruskan sehingga tahun 2015.

Program ini telah memberi faedah kepada lebih 4.5 juta penduduk di kawasan luar bandar dan pedalaman di Sabah, Sarawak, Labuan dan beberapa kawasan di Semenanjung. Selain berjaya menstabilkan bekalan barangan bersubsidi ke kawasan berkaitan, barangan tersebut juga dapat dijual pada harga yang ditetapkan oleh Kerajaan. Sebagai contoh harga gas memasak LPG 14kg di Ba'kelalan dapat dikurangkan daripada RM70 setong kepada RM26.60 setong melalui pelaksanaan program ini sejak tahun 2009.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN
[PADANG BESAR]**

TARIKH : 10 MAC 2015 (SELASA)

SOALAN : 44

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah kos yang telah dibelanjakan dan ditanggung oleh Kerajaan bagi misi pencarian MH370 ketika ini dan juga anggaran kos keseluruhan bagi misi pencarian tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Sehingga bulan Disember 2014, kerajaan telah membelanjakan sebanyak **RM79,031,905.76** dalam operasi pencarian pesawat MH370.

Walaupun bagaimanapun, anggaran kos keseluruhan bagi misi pencarian tersebut tidak dapat ditentukan kerana operasi pencarian masih lagi dilaksanakan.